



Ruj. MIDA : MIDA.024.400-5/8/1

Tarikh : 30 Jun 2021

NOTIS PELAWAAN SEBUTHARGA

NO. SEBUT HARGA : SH MIDA BIL: 15/2021

**PERKARA : SEBUTHARGA BAGI PEROLEHAN PERALATAN DAN
PERISIAN UNTUK KEPERLUAN PEMBANGUNAN
SISTEM IMPLEMENTATION TRACKING AND
MONITORING (ITMS) DAN PENYELENGGARAAN
SISTEM E-TRANS**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada : Pelawaan Sebutharga oleh :

Sesiapa Yang Berkennaan
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
(MIDA), Bahagian Pengurusan Korporat
Tingkat 14, MIDA Sentral, No. 5
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

No. Telefon : **03 – 2267 3633**

No. Faks : **03 – 2274 7970**

Sebutharga adalah dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah **Kod Bidang:-**

210101 - (Hardware (low end technology) -Supply all types of computer hardware Including PC, notebook, printer, document scanner, peripherals and maintenance); and

210103 - (Software – Supply all computer software, operating system, database, off-the-Shelf packages including maintenance).

dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa.

1. PERINGATAN

- 1.1 Penyebutharga-penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebutharga sebelum mengemukakan tawaran.
- 1.2 **Pastikan dokumen sebutharga ditaip mengikut format seperti yang telah ditetapkan di dalam borang maklumbalas teknikal dan harga (softcopy dibekalkan).**
- 1.3 MIDA tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran.
- 1.4 Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.

2. JAMINAN ATAS SEBUTHARGA

- 2.1 Pendaftaran penyebutharga-penyebutharga di Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas sebutharga-sebutharga yang dikemukakan. Sekiranya penyebutharga-penyebutharga menarik balik tawaran sebelum sebutharga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan, tindakan tatatertib akan diambil dan MIDA akan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membatalkan pendaftaran tuan sebagai Kontraktor Kerajaan.

3. DOKUMEN SEBUTHARGA

- BAB 1 – Surat Akuan Penyebutharga & Surat Akuan Pembida
- BAB 2 – Spesifikasi Teknikal
- BAB 3 - Jadual Maklumbalas Teknikal
- BAB 4 - Kakitangan Pengurusan / Teknikal
- BAB 5 – Pengalaman Syarikat
- BAB 6 – Jadual Harga
- BAB 7 – Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat

4. PENYERAHAN SEBUTHARGA

- 4.1 Dokumen sebutharga hendaklah lengkap, ditandatangani dan diserahkan kembali kepada MIDA termasuk 'soft-copy' tidak lewat jam **12.00 tengah hari pada 15 Julai 2021 (Khamis)**.
- 4.2 Sekiranya terdapat percanggahan maklumat di antara 'soft-copy' dengan 'hard-copy', MIDA akan menggunakan maklumat dalam **'hard-copy' sebagai penentu.**
- 4.3 Tawaran ini hendaklah dikemukakan dalam **satu (1) sampul surat berlakri (sealed) beserta dokumen-dokumen yang mesti dikembalikan** dan ditanda bahagian atas sampul surat itu dengan:-

**SEBUTHARGA BAGI PEROLEHAN PERALATAN DAN PERISIAN
UNTUK KEPERLUAN PEMBANGUNAN SISTEM IMPLEMENTATION
TRACKING AND MONITORING (ITMS) DAN PENYELENGGARAAN
SISTEM E-TRANS**

**SEBUTHARGA MIDA BIL. : 15/2021
DITUTUP PADA : 15 JULAI 2021
MASA : SEBELUM / PADA 12.00 TENGAHARI**

- 4.4 Senarai semakan Sebut Harga bagi dokumen-dokumen yang disertakan adalah seperti di **Lampiran Semakan**.

Semua sebutharga hendaklah dialamatkan kepada:-

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
Tingkat 14, MIDA Sentral, No. 5
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

- 4.5 Sebutharga hendaklah diserahkan di:-

**Bahagian Pengurusan Korporat
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
Tingkat 14, MIDA Sentral, No. 5
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

5. SYARAT – SYARAT AM SEBUT HARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

5.1 HARGA

Harga yang disebutkan hendaklah harga bersih termasuk kos penghantaran, pemasangan, insurans, diskau, cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan sebagainya. Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM). Sebut harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga.

5.2 SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

5.3 BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5.4 PERSETUJUAN

- (a) MIDA tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (b) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

5.5 PEMERIKSAAN

- (a) MIDA sentiasa berhak melantik pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut ; dan

- (b) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

5.6 PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

5.7 PENOLAKAN

- (a) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (b) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada MIDA segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (c) Fasal kecil (a) dan (b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak MIDA untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

5.8 PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan MIDA.

5.9 TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan

jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

5.10 INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

5.11 LARANGAN

- (a) Pengangkutan bagi barang-barang larangan dan merbahaya adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pihak syarikat hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan bagi kemasukan barang-barang ke negara berkenaan dipatuhi.
- (b) Barang-barang kepunyaan orang lain (pihak ketiga) adalah tidak dibenarkan dimuatkan bersama barang MIDA.

5.12 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- (a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- (b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- (c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan

kontraktor atau Penyebutharga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan

- (d) Mana-mana kontraktor atau Penyebutharga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

5.13 PENAMATAN

- (a) MIDA atau melalui wakilnya berhak membatalkan perkhidmatan sekiranya syarikat berada dalam salah satu daripada keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada MIDA atau melalui wakilnya.
- (b) Sekiranya syarikat masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan seperti di dalam sebutharga tuan.
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian kerja oleh syarikat, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- (d) Tidak mematuhi arahan MIDA atau wakilnya tanpa apa-apa alasan yang munasabah.
- (e) Apabila syarikat diisyiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

5.14 PENAMATAN ATAS SEBAB RASUAH ATAU AKTIVITI-AKTIVITI YANG MENYALAHİ UNDANG-UNDANG

- (a) Tanpa prejudis ke atas mana-mana hak MIDA, sekiranya SYARIKAT, personel, kakitangan atau pekerjanya telah disabitkan bersalah di Mahkamah untuk rasuah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain antara MIDA dan SYARIKAT tersebut, sekiranya ada, MIDA berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis serta-merta kepada SYARIKAT bagi maksud itu.

- (b) Akibat daripada penamatan tersebut, MIDA berhak menuntut segala kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh MIDA.
- (c) Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, kedua-dua pihak dengan ini bersetuju bahawa pihak SYARIKAT tidak mempunyai sebarang hak untuk membuat tuntutan ganti rugi termasuk kekurangan keuntungan, kerugian, atau apa-apa tuntutan lain akibat daripada penamatan Perjanjian ini.

6. PENERIMAAN SEBUTHARGA

- 6.1 MIDA akan memberi notis bertulis kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebutharganya disetujuterima.
- 6.2 Notis itu tidaklah boleh disifatkan sebagai disetujuterima sehingga pengesahan bertulis daripada penyebutharga menyatakan bahawa semua syarat-syarat sebutharga atau yang diubahsuai adalah diterima.

7. BANTAHAN SPESIFIKASI

Penyebutharga yang merasa tidak berpuashati dengan spesifikasi yang disediakan, mereka berhak untuk membuat bantahan kepada MIDA dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dokumen sebutharga mula diedarkan. Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

8. MAKLUMAT TAMBAHAN

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, syarikat diminta berhubung dengan **En. Syihabuddin Ahmad Mohamad, Bahagian Pengurusan Korporat** di talian **03-22676697** dan emel : **syihabuddin@mida.gov.my**.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAZLI JEMAAT)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

BAB 1

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA
TINGKAT 14, MIDA SENTRAL, NO. 5
JALAN STESEN SENTRAL 5
KUALA LUMPUR SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR.

SEBUTHARGA MIDA BIL. 15/2021

**SEBUTHARGA BAGI PEROLEHAN PERALATAN DAN PERISIAN UNTUK
KEPERLUAN PEMBANGUNAN SISTEM IMPLEMENTATION TRACKING AND
MONITORING (ITMS) DAN PENYELENGGARAAN SISTEM E-TRANS**

Kepada:

Penyebutharga-penyebutharga,

**Borang ini hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan JADUAL HARGA
di dalam SAMPUL SURAT BERLAKRI**

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

Kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIDA Sentral, No. 5
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

Tuan,

SEBUTHARGA MIDA BIL: 15/2021

**SEBUTHARGA BAGI PEROLEHAN PERALATAN DAN PERISIAN UNTUK
KEPERLUAN PEMBANGUNAN SISTEM IMPLEMENTATION TRACKING AND
MONITORING (ITMS) DAN PENYELENGARAAN SISTEM E-TRANS**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini adalah dengan ini mengambil bahagian sebutharga dan menawarkan untuk melaksanakan perkhidmatan di atas mengikut penentuan spesifikasi yang ditetapkan di dalam Dokumen Sebutharga.

2. Saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan semua Syarat-syarat Kontrak dan Spesifikasi Sebutharga ini dan bersetuju di atas harga yang ditawarkan RM..... sebagai asas perkiraan bagi pembayaran perkhidmatan yang telah dipesan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

3. Dengan ini juga telah difahami bahawa MIDA berhak menerima atau menolak sebarang sebutharga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan sebutharga-sebutharga yang lain. Saya juga bersetuju untuk menerima kesemua atau sebahagian dari item-item yang ditawarkan dan sedia mengikut kehendak dan pertimbangan MIDA. Saya juga bersetuju bahawa harga sebutharga yang saya beri ini akan sahlaku (*valid*) dan tidak ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebutharga dan tiada apa-apa syarat dikenakan selepas tarikh ditetapkan.

4. Selanjutnya saya bersetuju sekiranya sebutharga saya diterima, saya akan mengikat perjanjian kontrak serta memberi bon pelaksanaan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh terima surat tawaran dari MIDA, sekiranya diarahkan.

5. Saya juga mengesahkan, setelah menyemak sendiri iaitu semua dokumen yang digunakan untuk sebutharga ini adalah yang sebenar yang terdapat di dalam Dokumen Sebutharga.

Nama :
Penyebutharga (Tandatangan
Penyebutharga)

Alamat dan Cop :
Rasmi Syarikat
.....
.....

Tarikh :
.....
.....

Nama Saksi : (Tandatangan Saksi)

Alamat :
.....

SURAT AKUAN PEMBIDA

SEBUTHARGA BAGI PEROLEHAN PERALATAN DAN PERISIAN UNTUK KEPERLUAN PEMBANGUNAN SISTEM IMPLEMENTATION TRACKING AND MONITORING (ITMS) DAN PENYELENGGARAAN SISTEM E-TRANS (SEBUTHARGA MIDA NO. 15/2021)

Saya, nombor K.P. yang mewakili syarikat nombor Pendaftaran syarikat dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MIDA atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MIDA atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan- tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebutharga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP :
Cop Syarikat :

BAB 2

Spesifikasi Teknikal

1. TUJUAN

- 1.1 Sebutharga ini adalah pembekalan **peralatan dan perisian seperti di Lampiran 1** di ibu pejabat Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan di pejabat MIDA Negeri.

2. DASAR SEBUTHARGA

- 2.1 Syarikat perlu mengikuti spesifikasi dan ketentuan yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran I (a), I (b) dan 1 (c)**. Bagaimanapun syarikat juga bebas untuk memasukkan ketentuan gantian atau pilihan lain yang mana memberi keuntungan kepada MIDA untuk dipersetujui atau tidak.
- 2.2 Syarikat perlu mengkaji sepenuhnya persekitaran sedia ada dan mencadangkan pelaksanaan bagi memastikan prestasi peningkatan yang terlibat beroperasi dengan lancar, baik dan sempurna.
- 2.3 Syarikat adalah **WAJIB** membekalkan bersama softcopy Jadual Maklumbalas sebutharga semasa penyerahan dokumen sebutharga (dalam format *Microsoft Words/Excel* sahaja).
- 2.4 Menyediakan kakitangan yang mencukupi bagi kerja-kerja yang akan dilakukan mengikut skop yang telah ditentukan dan jadual yang akan dibekalkan oleh MIDA bagi memastikan kerja-kerja dapat dilaksanakan dengan lancar, cepat, memenuhi Standard Operating Procedure (SOP) serta mengikut jangka masa yang telah ditentukan.
- 2.5 MIDA berhak untuk menawarkan samada keseluruhan atau sebahagian skop kerja yang disenaraikan kepada syarikat yang berjaya.

3. KOMPONEN-KOMPONEN BAGI SEBUTHARGA

- 3.1 Komponen adalah membekalkan **peralatan dan perisian seperti di I(a) dan I(b)** termasuk perkhidmatan penyelenggaraan dan penggantian peralatan untuk tempoh tiga(3) tahun.
- 3.2 Lokasi adalah Ibu Pejabat MIDA beralamat di MIDA Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.
- 3.3 MIDA mempunyai hak samada menerima keseluruhan atau sebahagian skop yang ditawarkan.

4. SKOP KERJA

- 4.1 Skop pembekalan tidak terhad kepada keperluan berikut:
 - 4.1.1 Pembekalan dan penghantaran **peralatan dan perisian seperti di Lampiran I(a) dan I(b) (Laptop pre-installed with Operating System)** dalam tempoh 30 hari dari tarikh Letter of Acceptance (LOA) dikeluarkan atau tertakluk kepada jadual yang telah ditetapkan oleh MIDA atau tertakluk kepada persetujuan bersama antara pihak syarikat dengan pihak MIDA.
 - 4.1.2 Bertanggungjawab untuk melaksanakan sebarang kerja-kerja pemasangan (installation) hardware & software termasuklah setting/konfigurasi ke atas semua unit komputer tersebut. (**Rujuk Lampiran II – untuk senarai perisian dan konfigurasi).**
 - 4.1.3 Kerja-kerja pengagihan dan penghantaran kepada semua kakitangan MIDA yang terlibat dalam tempoh masa yang ditentukan dan mengikut jadual dan senarai yang akan dibekalkan oleh MIDA.

- 4.1.4 Menggunakan perisian (software) yang dibeli secara sah oleh MIDA untuk semua unit peralatan yang dibekalkan. Perisian adalah **HAK MILIK MIDA** dan **TIDAK DIBENARKAN** dipasang di unit selain dari unit hakmilik MIDA.
- 4.1.5 Semua kerja-kerja pemasangan yang telah selesai perlu disahkan oleh pegawai MIDA yang bertanggungjawab.
- 4.1.6 Syarikat haruslah memastikan setiap unit perkakasan dan perisian yang dibekalkan termasuk aksesori yang berkaitan (sekiranya ada) adalah teknologi/versi terkini, baharu, tulen, dalam keadaan baik, boleh beroperasi tanpa sebarang masalah serta compatible dengan sistem dan infrastruktur sedia ada di MIDA.
- 4.1.7 Pemeriksaan penerimaan ke atas setiap unit peralatan dan perisian perlu dilakukan mengikut skop dan kualiti yang telah ditetapkan oleh MIDA serta mengikut SOP MIDA.
- 4.1.8 Semasa pengujian penerimaan dilakukan, sebarang kerosakan *hardware & software* dari segi pembuatan, material, rekabentuk atau seumpamanya perlu digantikan serta merta dengan set yang baharu (one to one replacement).
- 4.1.9 Pengesahan pengujian penerimaan adalah dari pegawai Bahagian IT MIDA yang dilantik. Syarikat perlu menyerahkan sesalinan dokumen penerimaan serta pengesahan kepada MIDA.
- 4.1.10 Adalah tanggungjawab syarikat untuk melabelkan setiap unit peralatan dan perisian yang dibekalkan. Label untuk jenama, jenis model dan nombor siri hendaklah dipaparkan dengan jelas.
- 4.1.11 Syarikat hendaklah menyediakan senarai lengkap bagi keseluruhan 13 unit komputer riba dan perisian beserta nombor siri

dan nama kakitangan MIDA yang menerima komputer riba tersebut bagi tujuan perekodan.

- 4.1.12 Sepanjang tempoh waranti, Syarikat dikehendaki memperbaiki atau menggantikan semua kerosakan tanpa sebarang cai tambahan kepada MIDA. Semua aduan berkenaan kerosakan atau pembaikan hendaklah direkodkan melalui sistem yang bersesuaian dan nombor log aduan hendaklah dimaklumkan kepada MIDA bagi tujuan pemantauan.
- 4.1.13 Demi menjaga keselamatan maklumat dan data, Syarikat **TIDAK DIBENARKAN** membawa keluar dari premis MIDA sebarang perkakasan/komponen samada hard disk, memory dan sebarang storan penyimpanan data yang dibekalkan untuk apa-apa kerja pembaikan atau penyelenggaraan tanpa memaklumkan dan mendapat kebenaran MIDA terlebih dahulu.
- 4.1.14 Syarikat hendaklah menyatakan *Service Level Agreement (SLA)* seperti berikut:
- ***Response time***
 - ***Resolution time***
- 4.1.15 Syarikat adalah bertanggungjawab ke atas semua kerja-kerja pembaikan kecemasan (corrective maintenance) ke atas semua peralatan yang dibekalkan pada bila-bila masa diperlukan pada hari bekerja.
- 4.1.16 Semua kerja-kerja pembaikan hendaklah dilakukan atau dijalankan di premis MIDA. Demi menjaga keselamatan maklumat dan data, Syarikat **TIDAK DIBENARKAN** membawa keluar dari premis MIDA sebarang perkakasan/komponen samada hard disk, memory dan sebarang storan penyimpanan data yang dibekalkan untuk apa-apa kerja pembaikan atau penyelenggaraan tanpa memaklumkan dan mendapat kebenaran MIDA terlebih dahulu.

- 4.1.17 Sekiranya terdapat skop kerja yang melibatkan keperluan sokongan teknikal terus daripada prinsipal, Syarikat hendaklah mendapatkan khidmat secara back to back support dan syarikat adalah dikehendaki mengemukakan *Authorization Letter bersama Support Letter* daripada *manufacturer/ principal* utama. Support oleh pihak ketiga secara online adalah tidak dibenarkan.
- 4.1.18 Sebarang keupayaan perkhidmatan yang tidak dinyatakan dalam dokumen sebutharga, maka Syarikat boleh memasukkannya sebagai dokumen tambahan kepadanya.

LAMPIRAN I (a)**JADUAL PENENTUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL KOMPUTER RIBA (13 Unit)**

BUTIRAN	SPESIFIKASI MINIMUM
Operating System (OS)	Windows 10 Pro, 64-bit, English
Product Category	Business
Processor	Intel® Core™ Processor i7/i9 (8 Core, 16MB Cache, 2.40GHz up to 5.00GHz)
Memory	32GB DDR4 2666MHz
Hard drive	1TB SSD / PCIE Express SSDs
Graphics Card	NVIDIA RTX 2080 / Quadro T2000 4GB
Audio	Integrated Audio
Ports	1. SD Card Reader 2. USB 3.1 Gen 1 Port 3. Battery-status Button 4. Wedge Lock Slot 5. Power Adapter Port 6. HDMI 2.0 7. Thunderbolt™ 3 Type C™ 8. Headset Jack 9. Ethernet (RJ-45)
Camera	1080p HD Camera
Display	15.6" FHD (1920x1080)
Wireless	Intel Dual Band Wireless AX200 2x2 + Bluetooth 5.1 vPro
Battery	6-cell 97WHR Lithium Ion battery
Accessories	Bag pack Wireless Keyboard Wireless Mouse
Warranty	3 Year Onsite Next Business Day Warranty + Premier Support (Inclusive Parts & Labour)

LAMPIRAN I (b)

JADUAL PENENTUAN SPESIFIKASI PERISIAN

NO.	PERISIAN	SPESIFIKASI MINIMUM	UNIT
1	Navicat	Premium	6
2	Adobe Creative	Business	1
3	Nitro PDF	Pro	1
4	Visio	Standard	4
5	MS Office 2019	Business	13

STANDARD SOFTWARE/APLIKASI YANG DIPERLUKAN

1. Operating System – Windows 10
2. Web Browser – Chrome & Firefox
3. Microsoft Office
4. Acrobat Reader
5. Anti-Virus (TrendMicro)
6. HCL Notes Client (Lesen akan disediakan oleh MIDA)
Microsoft Windows Active Directory (AD) (Lesen akan disediakan oleh MIDA)

ADDITIONAL CONFIGURATION

1. To perform disk partitioning to allocate specific system space, applications and data for specifics uses by 50% allocation for the operating system if there is no secondary drive available.

BAB 3

JADUAL MAKLUMBALAS TEKNIKAL

JADUAL MAKLUMBALAS PENENTUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL KOMPUTER RIBA

Maklumat hendaklah dinyatakan dengan jelas di ruang yang dikehendaki. Kegagalan menyatakan maklumat akan diambil kira sebagai tidak memenuhi syarat.

NO	BUTIRAN	SPESIFIKASI MINIMUM	MANDATORY (M)	TAWARAN / MAKLUMBALAS SYARIKAT
1.	MODEL & JENAMA	Sila nyatakan Model & Jenama yang ditawarkan	M	
2.	OPERATING SYSTEM (OS)	Windows 10 Pro 64B		
3.	PRODUCT CATEGORY	Business	M	
4.	PROCESSOR	Min Intel® Core™ Processor i7/i9 (8 Core, 16MB Cache, 2.40GHz up to 5.00GHz		
5.	MEMORY (RAM)	Min 32GB DDR4 2400Mhz Memory	M	
6.	HARD DRIVE	Min 1TB SSD / PCIE Express SSDs	M	

NO	BUTIRAN	SPESIFIKASI MINIMUM	MANDATORY (M)	TAWARAN / MAKLUMBALAS SYARIKAT
7.	GRAPHICS CARD	NVIDIA RTX 2080 / Quadro T2000 4GB		
8.	AUDIO	Integrated Audio		
9.	PORTS	1. SD Card Reader 2. USB 3.1 Gen 1 Port 3. Battery-status Button 4. Wedge Lock Slot 5. Power Adapter Port 6. HDMI 2.0 7. Thunderbolt™ 3 Type C™ 8. Headset Jack 9. Ethernet (RJ-45)		
10.	CAMERA	720p HD Camera		
11.	DISPLAY	14.0 FHD (1920 x 1080)		
12.	WIRELESS	Intel Dual Band Wireless AC (2x2) 8265, Bluetooth Ver 4.1	M	
13.	BATTERY	3 Cell Li-on 24Wh Front 3 Cell Li-on 24Wh Rear		

NO	BUTIRAN	SPESIFIKASI MINIMUM	MANDATORY (M)	TAWARAN / MAKLUMBALAS SYARIKAT
14.	POINTING DEVICES	Track Point & Touch Pad		
15.	ACCESSORIES	Wireless Mouse, Wireless Keyboard, Cable Lock Backpack	M	
16.	WARRANTY	3 years (all parts including battery)	M	

BAB 4
KAKITANGAN PENGURUSAN/ TEKNIKAL

(A) KAKITANGAN

1. Senarai lengkap maklumat kakitangan **pengurusan** syarikat.

NO	NAMA (NAME)	JAWATAN (DESIGNATION)	PENGALAMAN (EXPERIENCE)	KELAYAKAN (QUALIFICATION)

2. Struktur kakitangan **teknikal** yang akan di letakkan di bawah **projek ini.**

NO	NAMA (NAME)	JAWATAN (DESIGNATION)	PENGALAMAN (EXPERIENCE / AREA OF SUPPORT)	TEMPOH TELAH BERKHIDMAT DGN SYARIKAT
1.	Contoh : Shahril Hassan .	Contoh : System Engineer	Contoh : <ul style="list-style-type: none"> • 3 years <ul style="list-style-type: none"> - Windows Experience • 2 years <ul style="list-style-type: none"> - Hardware Installation • 1 years <ul style="list-style-type: none"> -Lotus Notes 	Contoh : Permanent

Sila bekalkan salinan RESUME kakitangan yang disahkan oleh majikan

3. Senarai agen-agen (*third party*) yang akan terlibat dibawah projek ini.

NO	NAMA (NAME)	JAWATAN (DESIGNATION)	PENGALAMAN (EXPERIENCE / AREA OF SUPPORT)	NAMA SYARIKAT
.				

Sila bekalkan salinan **Authorization & Support Letter** daripada Syarikat Agen tersebut

(B) SENARAI PELANGGAN / TRACK RECORD SYARIKAT

Sila senaraikan projek sedang telah dijalankan bagi 3 tahun 2018, 2019 dan 2020

Senarai Projek yang berkaitan dengan permohonan perolehan ini sahaja.

BIL	PERIHAL KONTRAK	NAMA AGENSI/SYARIKAT YANG MENAWARKAN KONTRAK DAN ALAMAT*	HARGA/ TEMPOH KONTRAK (RM)	TARIKH MULA KONTRAK	TARIKH TAMAT KONTRAK
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)

- i. Sila nyatakan di Lampiran berasingan jika ruang yang disediakan tidak mencukupi.
- ii. Sila nyatakan nama syarikat/Jabatan/Cawangan/Bahagian berkenaan.
- iii. Sila dapatkan pengesahan prestasi kerja bagi setiap projek yang disenaraikan dalam format **BORANG PENGESAHAN PRESTASI KERJA (Lampiran 4B(i))**

BORANG PENGESAHAN PRESTASI KERJA

Kepada:

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
MIDA Sentral,
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

No. Pendaftaran Syarikat : _____

Nama Projek yang dilaksanakan :

No. Kontrak : _____

Nilai Kontrak (*termasuk anggaran nilai kerja perubahan*) : _____

Tempoh Kontrak : _____

Kemajuan Kerja (berdasarkan nilai kerja yang telah dilaksanakan):

Pencapaian Sebenar :%
Mengikut Jadual :%

Tarikh Kerja dijangka akan dapat disiapkan :

Nilai Bahagian Kerja Yang Telah Siap : RM

Nilai Baki Kerja Yang Belum Siap : RM

Ulasan-ulasan mengenai Prestasi Kontraktor :
(Nyatakan apa-apa kepujian dan / atau kelemahan kontraktor dan juga apa-apa tindakan / perakuan yang diambil / dipertimbangkan berhubung dengan prestasi kontraktor dalam melaksanakan kontrak)

.....
.....
.....
.....

Tandatangan Pegawai Projek:

Tarikh:

Cop Jabatan/ Agensi Kerajaan:

Nama :

Jawatan :

BAB 5

A. PENGALAMAN/PROFIL SYARIKAT

Senarai projek yang sama yang telah disiapkan dalam tempoh tiga tahun terakhir mengikut kronologi:-

No.	Butiran Kontrak	Nama Pelanggan dan Alamat	Jumlah Kontrak (RM)	Tarikh Siap

B. PROJEK YANG SEDANG DILAKSANAKAN

Senarai projek :-

No.	Butiran Kontrak	Nama Pelanggan & Alamat	Jumlah Kontrak (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Dijangka Siap	% Kemajuan

BAB 6

BORANG JADUAL HARGA

PEROLEHAN PERALATAN DAN PERISIAN UNTUK KEPERLUAN PEMBANGUNAN SISTEM IMPLEMENTATION TRACKING AND MONITORING (ITMS) DAN PENYELENGGARAAN SISTEM E-TRANS

NO.	BUTIRAN	BIL. UNIT	KOS ANGGARAN (RM)
			SEUNIT
PERKAKASAN			
1.	KOMPUTER RIBA	13	
PERISIAN			
1.	Navicat (Premium)	6	
2.	Adobe Creative (Business)	1	
3.	Nitro PDF (Pro)	1	
4.	MS Office 2019 (Pro)	13	
5.	Visio Standard	4	
Jumlah Perkakasan			
Jumlah Perisian			
Jumlah Keseluruhan			

BAB 7

BUTIR-BUTIR PENYEBUTHARGA & MAKLUMAT KEWANGAN SYARIKAT

Syarikat perlu mengisi dengan lengkap semua seksyen dalam borang ini. Sekiranya ruang tidak mencukupi, maklumat boleh dikemukakan dalam kertas berasingan.

A. MAKLUMAT AM

1. Nama Syarikat :
2. Alamat :
3. No. Telefon :
4. No. Faks :
5. Emel :
6. Tarikh Pendaftaran / :
Penubuhan
7. No. Daftar Syarikat / :
Perniagaan
8. Tempat Pendaftaran/ :
Penubuhan
9. Komposisi Pemegang :
Saham

No.	Nama Pemegang Saham	Jawatan	% Pegangan

10. Peratusan Penyertaan Bumiputera : _____ (%). (Sila kemukakan maklumat lanjut atau salinan sah pendaftaran sebagai Pembekal Bumiputera dengan Kementerian Kewangan).
11. Maklumat Pendaftaran Kementerian Kewangan

No.	No. Pendaftaran	No. bidang	Butiran / Keterangan	Tempoh Sah

Nota : Sila lampirkan salinan sijil pendaftaran.

12. Struktur Modal Syarikat :

- (i) Modal Dibenarkan :

- (ii) Modal Berbayar :

B. KEWANGAN

- a. Ringkasan aset dan tanggungan berdasarkan akaun yang diaudit bagi tiga (3) tahun terakhir.

Tahun Kewangan:	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)
<ul style="list-style-type: none"> - Jumlah Aset - Aset Semasa - Jumlah Tanggungan - Tanggungan Semasa - Nilai Bersih - Modal Kerja 			

b. Bank-bank Utama:

No.	Nama Bank & Alamat	Jenis Akaun
1.		
2.		
3.		

c. Kemudahan Kredit (Jenis dan jumlah kredit yang boleh disediakan oleh syarikat:)

No.	Jenis Kemudahan Kredit	Bank/Institusi Kewangan	Jumlah (RM)
1.			
2.			
3.			

Nota:

Penyata Bank bagi tempoh tiga (3) bulan terakhir hendaklah disertakan bersama-sama serahan borang sebutharga

LAMPIRAN SEMAKAN

SENARAI SEMAKAN

**SEBUTHARGA BAGI PEROLEHAN PERALATAN DAN PERISIAN UNTUK
KEPERLUAN PEMBANGUNAN SISTEM IMPLEMENTATION TRACKING AND
MONITORING (ITMS) DAN PENYELENGGARAAN SISTEM E-TRANS**

SEBUTHARGA MIDA BIL: 15/2021

Sila tandakan (✓) bagi Dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil.	Perkara / Dokumen	Semakan oleh Syarikat	Semakan oleh MIDA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan (MOF)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera dari Kementerian Kewangan (MOF)		
3.	Salinan Sijil Berdaftar Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
4.	Surat Akuan Penyebutharga (Bab 1)		
5.	Surat Akuan Pembida (Bab 1)		
6.	Pengalaman Syarikat (Bab 5)		
7.	Jadual Harga (Bab 6)		
8.	Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat (Bab 7)		
10.	Penyataan Kewangan Bagi 3 tahun terakhir		
11.	Penyata Bulanan Akaun bagi 3 bulan terakhir		
12.	Lain-lain Sekiranya Ada (Sila Nyatakan)		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

PENGESAHAN OLEH MIDA

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada) :-

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :